

D.R. 15/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hakcipta (Pindaan) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Hakcipta 1987, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 3—

Pindaan seksyen 3. Akta 332.

(a) dalam takrif "karya sastera"—

(i) dalam perenggan (g) dengan menggantikan perkataan "yang dinyatakan dalam perkataan-perkataan, angka-angka atau simbol-simbol (sama ada dalam bentuk yang boleh dilihat atau tidak)" dengan perkataan ", sama ada atau tidak dinyatakan dalam perkataan, angka atau simbol dan sama ada atau tidak dalam bentuk yang tampak"; dan

- (ii) dalam perenggan (*h*) dengan memotong perkataan "atau penyusunan program-program komputer";
- (*b*) dalam takrif "pencipta" dengan menggantikan perenggan (*f*) dengan . perenggan yang berikut:
  - "(*f*) berhubung dengan siaran yang dipancarkan dari dalam mana-mana negara, ertinya—
    - (i) orang yang memancarkan rancangan itu, jika dia bertanggungjawab bagi pemilihan kandungannya; atau
    - (ii) mana-mana orang yang mengadakan rancangan itu yang membuat perkiraan yang perlu dengan orang yang memancarkannya untuk pemancarannya;";
- (*c*) dalam takrif "penetapan" dengan memasukkan selepas perkataan "kedua-duanya" perkataan ", atau perlambangannya;";
- (*d*) dengan memasukkan selepas takrif "pengeluaran semula" takrif yang berikut:
  - "penyampaian kepada orang awam" ertinya pemancaran sesuatu karya melalui cara-wayar atau wayarles kepada orang awam, termasuk menjadikan sesuatu karya itu tersedia kepada orang awam dengan cara yang melaluinya orang awam itu boleh mendapatkan akses kepada karya itu dari suatu tempat dan pada masa yang masing-masing dipilih oleh mereka;";
- (*e*) dengan memotong takrif "perhubungan melalui kabel"; dan

(f) dengan menggantikan takrif "siaran" dengan takrif yang berikut:

' "siaran" ertinya pemancaran, melalui cara wayar atau wayarles, akan imej tampak, bunyi atau maklumat yang lain yang—

(a) boleh diterima dengan sahnya oleh orang awam; atau

(b) dipancarkan bagi persembahan kepada orang awam,

dan termasuklah pemancaran isyarat penyulitan jika cara untuk penyahsulitan disediakan kepada orang awam oleh perkhidmatan penyiaran atau dengan persetujuannya;'

3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 7.

"(2A) Perlindungan hakcipta tidaklah meluas kepada apa-apa ide, prosedur, kaedah pengendalian atau konsep matematik sebagai sedemikian."

4. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 13.

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "atau rakaman bunyi" dengan perkataan "rakaman bunyi atau karya terbitan";

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) penyampaian kepada orang awam;";

(iii) dengan memotong perenggan (c) dan (d);

(iv) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut;

"(e) pengedaran salinan-salinan kepada orang awam melalui

penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain; dan"; dan

- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

" (f) penyewaan secara komersial kepada orang awam,"; dan

- (b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan (ggg) perenggan yang berikut:

"(gggg) pembuatan salinan daripada siaran televisyen yang mempunyai sari kata atau yang selainnya diubahsuaikan bagi orang yang pekak atau kurang pendengaran, atau yang cacat dari segi fizikal atau mental secara lain dan pengeluaran salinan itu kepada orang awam oleh badan atau institusi yang tidak mencari keuntungan yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah;"

- (ii) dalam perenggan (n) dengan memotong perkataan "dan" di hujung proviso kepada perenggan itu; dan

- (iii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (o) dengan koma bertitik dan perkataan "dan" dan memasukkan selepas itu perenggan yang berikut:

"(p) penyewaan secara komersial akan program komputer, jika program itu bukanlah matlamat penting penyewaan itu."

5. Subseksyen 15(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "(ggg)," perkataan  $\langle \begin{matrix} oooo \\ oooo \end{matrix} \rangle$ , - Pindaan seksyen 15.
6. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 17.
- (a) dalam nota birai dengan memotong perkataan "(selain daripada fotograf)"; dan
  - (b) dalam subseksyen (1), (2) dan (3) dengan memotong perkataan "(selain daripada fotograf)".
7. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 21. Pemotongan seksyen 21.
8. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 25.
- (a) dalam subseksyen (2) -
    - (i) dalam perenggan (a) dengan memasukkan selepas perkataan "sekali pun," perkataan "tanpa mengenal pasti pencipta atau"; dan
    - (ii) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "penyampaian karya itu dengan apa cara sekali pun, dalam bentuk yang diubahsuai, jika ubahsuaian itu—" dengan perkataan "perosakan, pencacatan atau pengubahsuaian yang lain akan karya itu jika perosakan, pencacatan atau pengubahsuaian itu—"; dan
  - (b) dalam subseksyen (3)—
    - (i) dengan menggantikan perkataan ", menyiarkan atau berhubungan melalui kabel akan" dengan perkataan "atau menyampaikan kepada orang awam"; dan
    - (ii) dengan menggantikan perkataan ", penyiaran atau perhubungan melalui kabel" dengan perkataan "atau penyampaian kepada orang awam".

9. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Pelanggaran terhadap hakcipta berlaku apabila mana-mana orang memintasi atau menyebabkan mana-mana orang yang lain memintasi apa-apa langkah teknologi yang berkesan yang digunakan oleh pencipta-pencipta berkaitan dengan perjalanan hak-hak mereka di bawah Akta ini dan yang menyekat perbuatan, berkenaan dengan karya mereka, yang tidak dibenarkan oleh pencipta yang berkenaan atau yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

(4) Pelanggaran terhadap hakcipta berlaku apabila mana-mana orang dengan disedarinya melakukan mana-mana daripada perbuatan yang berikut dengan menyedari atau dengan mempunyai sebab yang munasabah untuk menyedari bahawa ia akan mendorong, membolehkan, memudahkan atau menyembunyikan suatu pelanggaran apa-apa hak di bawah Akta ini:

- (a) pembuangan atau pengubahan apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran;
- (b) pengedaran, pengimportan untuk pengedaran atau penyampaian kepada orang awam, tanpa kebenaran, karya atau salinan karya dengan menyedari bahawa maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran.

(5) Bagi maksud subseksyen (4) dan seksyen 41, "maklumat pengurusan hak" ertinya maklumat yang mengenal pasti karya, pencipta karya, pemunya apa-apa hak dalam karya, atau maklumat tentang terma-terma dan syarat-syarat penggunaan karya, apa-apa nombor atau kod yang melambangkan maklumat itu, apabila mana-mana perkara maklumat ini dilampirkan pada suatu salinan karya atau terdapat berkaitan dengan penyampaian sesuatu karya kepada orang awam."

10. Subseksyen 41(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 41.

(a) dalam perenggan (f) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;

(b) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (g) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas itu perenggan yang berikut:

"(h) memintas atau menyebabkan dipintas apa-apa langkah teknologi yang berkesan yang disebut dalam subseksyen (3) seksyen 36;

(i) membuang atau mengubah apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran; atau

(j) mengedarkan, mengimport untuk pendedaran atau menyampaikan kepada orang awam, tanpa kebenaran, karya atau salinan karya yang berkenaan dengannya maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran,";

(c) dalam perenggan (i) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan itu; dan

(d) dalam perenggan (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bertitik dan memasukkan selepas itu perenggan yang berikut:

"(iii) dalam hal kesalahan di bawah perenggan (h), (i) dan (j), denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi apa-apa kesalahan kali kemudian, denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.".

Pindaan  
seksyen 58.

**11.** Subseksyen 58(2) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (a) dengan raenggantikan perkataan "menyiarkan, berhubung melalui kabel" dengan perkataan "menyampaikan kepada orang awam"; dan
- (b) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "menyiarkan atau menghubungkan karya-karya itu melalui kabel" dengan perkataan ", menyampaikan karya-karya itu kepada orang awam".

Seksyen  
haru 59B.

**12.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkari selepas seksyen 59A seksyen yang berikut:

- " Kuasa Menteri untuk mengecualikan daripada takrif "siaran".
- 59s. (1) Menteri boleh, melalui perintah, mengecualikan daripada takrif "siaran" berhubung dengan pemancaran melalui wayar mana-mana perkhidmatan yang berikut:
- (a) perkhidmatan saling tindak;
  - (b) perkhidmatan perniagaan dalaman;
  - (c) perkhidmatan domestik individu;
  - (d) perkhidmatan di premis yang diduduki secara tunggal selain daripada sebagai kemudahan perniagaan;
  - (e) perkhidmatan yang dijalankan bagi orang yang mengadakan perkhidmatan penyiaran melalui cara wayar atau mengadakan rancangan bagi perkhidmatan sedemikian.
- (2) Menteri boleh, melalui perintah, meminda subseksyen (1) supaya ditambah atau dihapuskan pengecualian yang disebut dalam subseksyen itu."

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Hakcipta 1987 ("Akta")-

2. Perkembangan teknologi, terutamanya teknologi maklumat, telah mencabar konsep tradisional perlindungan hakcipta. Penubuhan KoridorRaya Multimedia (MSC) yang dicadangkan akan membawa cabaran dan peluang untuk Malaysia. Kejayaan MSC, pada takat tertentu, akan ditentukan oleh isi yang bergerak melaluinya. Ini termasuk karya pendidikan, produk hiburan dan maklumat yang dilindungi di bawah undang-undang hakcipta. Untuk membolehkan MSC merealisasikan potensi penuhnya, perlindungan di sisi undang-undang yang memadai perlu diberikan kepada karya-karya ini. Akta ini dicadangkan dipinda bagi maksud ini, setelah mengambil kira perkembangan antarabangsa yang terkini berkenaan dengan karya hakcipta yang tertentu.

3. *Fasal 2* bertujuan membuat pelbagai pindaan kepada seksyen tafsiran dalam Akta. Istilah "penetapan" dan "karya sastera" dipinda dan istilah "penyampaian kepada orang awam" dimasukkan supaya selaras dengan perkembangan antarabangsa yang terkini. Istilah "siaran" telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira apa-apa perkembangan teknologi masa hadapan. Berhubungan dengan ini, takrif "pencipta" berhubungan dengan sesuatu siaran telah dipinda juga untuk memastikan bahawa hanya orang yang bertanggungjawab bagi pemilihan kandungan siaran itu diiktiraf sebagai pencipta. Ini akan memastikan bahawa orang yang semata-mata memancarkan siaran tidak disifatkan sebagai pencipta siaran itu.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 7 Akta untuk mengeluarkan ide, prosedur, kaedah pengendalian atau konsep matematik daripada skop hakcipta.

5. *Fasal 4(a)(i)* bertujuan meminda subseksyen 13(1) Akta untuk mengadakan peruntukan bagi jenis hakcipta dalam karya terbitan. Dengan pindaan ini, hak eksklusif pencipta karya terbitan akan menjadi lebih jelas. *Fasal 4(a)(ii)* menyatakan bahawa seseorang pencipta mempunyai hak eksklusif untuk "menyampaikan kepada orang awam" karyanya dan menurut kuasa takrif itu, ini termasuklah menjadikan karya itu tersedia dengan cara yang melaluinya orang awam boleh mendapatkan akses kepada karya itu dari tempat dan pada masa yang masing-masing dipilih oleh mereka. *Fasal 4(a)(iii)* ialah pindaan berbangkit berikutan dengan pengadaaan hak eksklusif untuk menyampaikan kepada orang awam. *Fasal 4(a)(iv)* mengadakan peruntukan tentang hak seorang pencipta terhadap penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain akan karyanya sementara *fasal 4(a)(v)* mengadakan peruntukan bagi haknya terhadap penyewaan komersial akan karyanya. *Fasal 4(b)(i)* bertujuan mengecualikan daripada hak pengawalan pencipta, kegunaan tertentu siaran televisyen oleh orang yang cacat secara fizikal atau mental. *Fasal 4(b)(iii)* bertujuan menghadkan hak eksklusif pencipta terhadap penyewaan komersial akan program komputer.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 15(2) Akta berikutan dengan pengecualian baru yang diperuntukkan berkenaan dengan orang yang mempunyai kecacatan fizikal atau mental.

1. *Fasal 6* bertujuan memasukkan fotograf ke dalam lingkungan seksyen 17 yang memperkatakan jangka masa hakcipta bagi karya sastera, muzik atau seni. Berikutan dengan itu, seksyen 21 yang sedia ada tentang jangka masa hakcipta berkenaan dengan fotograf dipotong (*fasal 7*),

8. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen 25(2) Akta untuk memperjelas bahawa seseorang pencipta mempunyai hak untuk dikenal pasti dan hak moral terhadap pencacatan atau perosakan karyanya.

9. *Fasal 9* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pelanggaran hakcipta melalui pemintasan langkah teknologi yang berkesan dan pembuangan atau pengubahan maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran.

10. *Fasal 10* bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan yang baru.

11. *Fasal 12* memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan perkhidmatan tertentu daripada skop siaran berhubung dengan pemancaran melalui wayar.

12. Pindaan yang lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan kecil atau berbangkit.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1978.]